

VOTAN SR F.C. TABLETS

Diclofenac Sodium (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Votan SR F.C. Tablets
2. Bagaimana Votan SR F.C. Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Votan SR F.C. Tablets
4. Cara menggunakan Votan SR F.C. Tablets
5. Semasa menggunakan Votan SR F.C. Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Votan SR F.C. Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Votan SR F.C. Tablets

Ia digunakan untuk:

- masalah sendi dan tulang seperti artritis (arthritis reumatoid, osteoarthritis, *ankylosing spondylitis*).
- sakit belakang.
- sakit otot atau tisu yang tidak berkaitan dengan sendi.
- sakit, bengkak, atau radang selepas kecederaan atau pembedahan.
- sakit haid (senggugut).

Bagaimana Votan SR F.C. Tablets berfungsi

Votan SR F.C. Tablets mengandungi bahan aktif dipanggil diclofenac sodium. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai ejen anti-radang bukan steroid (NSAID) yang mengurangkan demam, kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan Votan SR F.C. Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Votan SR F.C. Tablets jika anda:

- mempunyai alahan terhadap diclofenac sodium atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- ada ulser perut, sejarah asma, ruam kulit (geligata), atau alahan hidung yang teruk yang dicetuskan oleh aspirin atau ubat tahan sakit yang seumpamanya.
- menghadapi masalah jantung, buah pinggang atau hati.
- berada dalam tiga bulan terakhir kehamilan.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan ubat ini jika anda:

- menghidap penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kencing manis, kolesterol tinggi, atau jika anda merokok.

- pernah atau sedang mengalami ulser, pendarahan, atau kebocoran pada perut atau usus, atau berisiko mendapat masalah perut (terutamanya warga emas, kerap mengambil alkohol, atau merokok).
- mengalami gangguan pendarahan.
- mempunyai masalah buah pinggang, hati atau jantung.
- tidak digalakkan untuk kanak-kanak dan perlu digunakan dengan berhati-hati pada warga emas.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor jika anda mengandung, atau rasa anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Anda tidak boleh mengambil diclofenac pada 3 bulan terakhir kehamilan kerana ia boleh membahayakan bayi dalam kandungan serta menyebabkan masalah ketika proses kelahiran.

Diclofenac boleh masuk ke dalam susu ibu dalam jumlah yang kecil. Oleh itu, penggunaan semasa penyusuan tidak digalakkan bagi mengelakkan kesan yang tidak diingini pada bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Lithium, ubat untuk kemurungan.
- Digoxin, ubat untuk masalah jantung.
- Diuretic, potassium sparing diuretic, pil air.
- Lain-lain NSAIDs, atau ubat tahan sakit.
- Ubat cair darah.
- Ubat untuk penyakit kencing manis.
- Methotrexate, sejenis ubat yang digunakan untuk merawat *rheumatoid arthritis* dan juga beberapa jenis kanser.

Cara menggunakan Votan SR F.C. Tablets

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral.

1 tablet setiap hari, disarankan diambil pada waktu petang bersama cecair semasa waktu makan.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Telan tablet dengan segelas air tanpa memecahkan, menghancurkan atau mengunyahnya.

Doktor anda mungkin akan melaraskan dos mengikut keadaan anda. Sentiasa ambil dos paling rendah yang berkesan untuk tempoh paling singkat yang diperlukan bagi mengawal simptom anda.

Penting:

- ubat ini tidak disyorkan untuk pesakit yang mempunyai penyakit jantung (kegagalan jantung, serangan jantung, strok, atau masalah peredaran darah) atau tekanan darah tinggi yang tidak terkawal.
- jika anda mempunyai masalah jantung, tekanan darah tinggi, kencing manis, kolesterol tinggi, atau jika anda merokok, doktor anda akan menilai dengan teliti sama ada ubat ini sesuai untuk anda.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan tekanan darah rendah, kegagalan buah pinggang, sawan, keradangan dan kesukaran bernafas.

Semasa menggunakan Votan SR F.C. Tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

- Gunakan ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Votan SR F.C. Tablets.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Gunakan Votan SR F.C. Tablets hanya dengan preskripsi doktor.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Votan SR F.C. Tablets kepada individu lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Votan SR F.C. Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua individu akan mengalaminya. Kesan-kesan sampingannya adalah:

Saluran gastrousus

- Kadang-kala: sakit gastrik, loya, muntah, cirit-birit.
- Jarang: pendarahan pada saluran gastrousus.
- Sangat jarang: ulser perut dengan halangan atau penembusan, gangguan pada usus bawah.

Sistem saraf pusat

- Kadang-kala: sakit kepala, pening atau rasa berpusing.
- Jarang: mengantuk.
- Sangat jarang: penglihatan kabur, penglihatan berganda, bunyi berdering dalam telinga, sukar tidur, mudah marah, sawan.

Kulit

- Kadang-kala: ruam atau kulit lepuh.
- Jarang: geligata
- Sangat jarang: Reaksi kulit yang teruk dengan lepuh, pengelupasan, atau kemerahan (termasuk keadaan serius seperti sindrom Stevens-Johnson atau reaksi kulit toksik), ekzema, keguguran rambut, atau kulit menjadi sensitif terhadap cahaya matahari.

Buah pinggang

- Sangat jarang: kegagalan atau kerosakan buah pinggang secara tiba-tiba, kehadiran darah dalam air kencing.

Hati

- Jarang: radang hati (*hepatitis*) dengan atau tanpa jaundis (kekuningan pada kulit dan bebola mata putih).
- Sangat jarang: kerosakan hati secara tiba-tiba.

Darah

- Sangat jarang: platelet rendah, pengurangan bilangan sel darah putih, penghancuran sel darah merah tidak normal, *aplastic anaemia* (badan berhenti menghasilkan sel darah baru yang mencukupi), kejadian *atherothrombotic*.

Jantung

- Tidak biasa: serangan jantung, kegagalan jantung, denyutan jantung yang kuat, sakit dada dan sakit jantung *acute*.
- Tidak diketahui: sindrom *Kounis*.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Votan SR F.C. Tablets

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning pucat, berbentuk dwicembung disalut filem.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
- Diclofenac Sodium

- Bahan tidak aktif

- Lactose
- Cetyl Alcohol
- Silicon Dioxide
- Polyvinylpyrrolidone
- Magnesium Stearate
- 95% Alcohol
- Hydroxypropyl Methylcellulose
- Opaspray White (50%)
- Sunset Yellow FCF

- Nombor MAL

MAL10070587AZ

Pengilang

Taiwan Biotech Co., Ltd.
22, Chieh Shou Road, Taoyuan,
Taiwan R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

17/11/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)240925/00070